

Taklimat PSLE 2025



Buku Panduan Ibu Bapa

- Objektif Pembelajaran
- Jadual Pengkhususan
- Penerangan tentang komponen-komponen yang diuji berserta contoh- contoh
- Senarai semak
- Kesilapan yang lazim dibuat murid




Karangan (40 markah)

- ~ Murid dikehendaki menulis sebuah karangan yang mengandungi sekurang-kurangnya 150 patah perkataan
- ~ Murid hanya perlu menjawab satu soalan sahaja

Karangan

- ~ Fahami kehendak soalan terutama jika memilih Soalan 1
- ~ *Peristiwa yang menyedarkan saya tentang erti persahabatan*
- ~ Isi karangan harus menekankan tentang suatu peristiwa / insiden yang terjadi yang membuat penulis sedar akan erti persahabatan
- ~ Jika murid hanya tulis tentang hubungan persahabatan antara dia dan kawannya, murid kurang menepati kehendak soalan

Soalan 2:



Karangan

- ~ Fahami gambar yang diberikan
- ~ Mulakan karangan dengan Gambar 0. (Murid harus *memikirkan apa yang terjadi sebelum Gambar 1*)
- ~ Murid boleh menggunakan teknik imbas kembali, dialog atau *memperkenalkan watak dalam pengenalan (Gambar 0)*

~ Contoh:

Aku duduk sambil menonton televisyen. Rancangan kegemaranku, Jejak Jenayah sedang disiarkan. Rancangan itu membuatku teringat kembali peristiwa yang terjadi setahun yang lalu.

Pada waktu itu, aku...

Kesilapan yang selalu dibuat murid

~ Idea / jalan cerita yang tidak dikembangkan

~ Kesilapan ejaan

contoh: Adik **menagis** teresak-esak.

Ejaan yang betul: Adik **menangis** teresak-esak.

contoh: Ibu, boleh saya turun ke **bawa**?

Ejaan yang betul: Ibu, boleh saya turun ke **bawah**?

Kesilapan yang selalu dibuat murid

~ Penggunaan singkatan dalam ayat

contoh: Saya **tak** pasti jika ini jawapan yang betul.

Ayat yang betul: Saya **tidak** pasti jika ini jawapan yang betul.

~ Kesilapan tanda baca (.) (?) (!) (,)

~ Pemerenggan (dialog)

Setiap dialog ditulis dalam perenggan yang baharu

Lisan (Bacaan 20m)

- ~ Murid perlu membaca dengan kuat petikan yang dipaparkan di skrin komputer

Kesilapan yang selalu dibuat murid:

- ~ Bacaan yang kurang jelas
- ~ Cara pembacaan yang kurang sesuai
- ~ Bacaan yang teragak-agak
- ~ Tertinggal perkataan / ayat semasa membaca

Lisan (Bacaan 20m)

Cara membantu anak anda:

- ~ kerap berlatih membaca
- ~ rakam bacaan dan dengar semula untuk mengenalpasti kesilapan
- ~ pastikan anak anda menyebut menggunakan sebutan baku
contoh: untuk / takut / saya / radio
dan membaca menggunakan intonasi dan nada yang sesuai

Perbualan berdasarkan video (30m)

Murid akan menonton klip video pendek. Perbualan akan diadakan berdasarkan video itu.

Contoh soalan: Bolehkah kamu menceritakan salah satu daripada perbuatan baik yang kamu saksikan dalam video tadi?

Cara yang boleh digunakan anak anda:

- ~ **bila**
- ~ **di mana**
- ~ **apa yang dilihat / terjadi**
- ~ **perasaan**
- ~ **pengajaran**

Perbualan berdasarkan video (30m)

Contoh soalan:

Pada pendapat kamu, **haruskah sekolah** menganjurkan **Minggu Berbudi**?
Mengapa?

- ~ setuju / tidak setuju
- ~ mengapa
- ~ bagaimana (cara-cara)
- ~ perasaan

Perbuatan berdasarkan video

Contoh soal: Ceritakan salah **satu perbuatan baik** yang pernah **dilakukan** oleh **seseorang terhadap kamu** selain daripada yang terpapar dalam video tadi.

Cara yang boleh digunakan anak anda:

- ~ **apa**
- ~ **bagaimana**
- ~ **perasaan**
- ~ **pengajaran**

Perbualan berdasarkan video

Kelemahan murid:

- ~ hanya memberikan sepatah perkataan sebagai jawapan (contoh: ya / tidak sahaja)
- ~ menggunakan Bahasa Inggeris

Cara membantu anak anda:

- ~ Tonton video / drama Bahasa Melayu bersama dan adakan perbualan bersama anak anda
- ~ Ceritakan semula aktiviti utama / dapatkan pendapat anak anda tentang video itu

Kefahaman

Murid perlu memahami petikan yang dibaca dan menjawab soalan-soalan yang diberikan.

Teknik bagi menjawab soalan Kefahaman:

- ~ Catatkan idea utama setiap perenggan
- ~ Gariskan kata kunci dalam soalan
- ~ Jawab apa yang ditanya sahaja

Kefahaman

Kesilapan murid:

- ~ Ayat yang tidak lengkap
- ~ Tidak memahami kehendak soalan
- ~ Menuliskan semua maklumat yang terdapat dalam perenggan yang dibaca

Pembelajaran Bahasa Melayu

Murid tidak akan dapat menguasai Bahasa Melayu dengan baik jika mereka tidak diberikan peluang untuk menggunakan bahasa tersebut.

- bertutur
- mendengar
- membaca
- menulis

Murid perlu diberikan peluang untuk menggunakan / pendedahan pada Bahasa Melayu secara kerap dalam kehidupan seharian mereka.

Bagaimana anda boleh membantu meningkatkan penguasaan BM anak anda.

Ibu Bapa sebagai Perangsang

Bersikap positif

- Bantu anak anda dengan menanamkan sikap positif terhadap Bahasa Melayu.

Respons kepada anak anda

- Bantu anak anda dengan berinteraksi menggunakan Bahasa Melayu. Anak anda akan mendapati bahawa bahasa Melayu ini bermakna jika digunakan dalam kehidupan seharian.

Berikan sokongan psikologi

- Berikan senyuman dan pelukan jika anak anda berjaya menggunakan bahasa Melayu dengan baik.

Bersuka ria

- Nikmati masa bersama-sama anak anda dengan mempelajari Bahasa Melayu melalui nyanyian, perbualan harian, permainan dan mengambil bahagian dalam aktiviti bahasa dan budaya.

Panduan untuk meningkatkan kemahiran Bahasa Melayu

- Gunakan buku teks sebaik mungkin
 - Gunakan gambar yang disediakan untuk mengulangkaji kosa kata, struktur ayat yang telah dipelajari oleh anak anda di sekolah.
- Dengarkan rancangan-rancangan di stesen radio Bahasa Melayu
 - Gunakan masa ketika di dalam perjalanan dengan sebaik mungkin dengan mendengar stesen radio Bahasa Melayu dengan anak anda.

- Tonton drama atau filem Melayu
 - Pilih program yang sesuai untuk anda menonton bersama-sama anak anda.
- Bertutur dalam Bahasa Melayu dengan lebih kerap
 - Bertutur dalam Bahasa Melayu dengan anak anda tentang topik-topik yang menarik minat anak anda.
- Pupuk tabiat membaca
 - Tetapkan masa untuk membaca bersama-sama anak anda.
 - Bawa anak anda ke perpustakaan atau kedai buku.

Terima Kasih
